



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

# MEMAHAMI ERTI KEMERDEKAAN DALAM HIDUP

Siri: 33/2021

18 Muharram 1442 H

*Bersamaan*

27 Ogos 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ،  
وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا،  
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Wahai hamba-hamba Allah! Saya berpesan kepada diri saya, serta semua sidang jemaah yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan kita semua berada dalam rahmat serta perlindungan Allah SWT. Lebih-lebih lagi, dalam situasi musibah pandemik yang belum berakhir ini, ikatan dan pengharapan kita kepada pertolongan Allah perlu diperkukuhkan agar kita semua tidak tergelincir dari landasan dan petunjuk agama.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Tajuk khutbah pada hari ini ialah:

**‘Memahami Erti Kemerdekaan dalam hidup’.**

Beberapa hari lagi, kita bakal menyambut ulang tahun kemerdekaan kali ke-64 iaitu pada tanggal 31 Ogos. Sempena sambutan Hari Kebangsaan kali ini, marilah sama-sama kita mengimbau hari yang bersejarah ini yang memberi erti

yang besar, apabila negara bebas dari belenggu penjajah yang telah menguasai sosio, ekonomi dan politik negara hampir 500 tahun.

Justeru, proses kemerdekaan Tanah Melayu ini perlu diingati. Semangat penentangan penjajah oleh para pejuang, negarawan serta ulama perlu dikenang. Tarikh yang penuh keramat yang saban tahun diraikan ini, merupakan satu nikmat besar dan wajib untuk kita syukuri dan hargainya. Erti kemerdekaan ini perlu dihayati bukan sekadar dizahirkan melalui perbuatan, malah dijiwai berdasarkan landasan syariat yang digariskan oleh Allah SWT, lalu dilaksanakan oleh Baginda Nabi SAW sebagai satu model yang lengkap dan sempurna.

### **Sidang Jemaah yang dimuliakan Allah,**

Apakah sebenarnya kemerdekaan itu? Adakah ia bermaksud kebebasan secara mutlak tanpa batasan agama? Dalam Islam, kemerdekaan bukan hanya kemenangan membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah semata-mata. Sebaliknya, ia bermaksud membebaskan cara hidup dari dibelenggu pemikiran, serta perilaku yang menyimpang dan mengundang kemurkaan Allah. Kemerdekan dalam Islam juga bererti membebaskan diri dari mengikut telunjuk jahat hawa nafsu dan godaan syaitan, lalu patuh sepenuhnya apa yang diperintahkan Allah dan meninggalkan laranganNya.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Haj, ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

**Maksudnya:** *laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari*

*melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.*

Surah al-Haj (41)

Dalam menjelaskan maksud kemerdekaan dalam konteks Negara kita, Pendeta Za'ba pernah menyebut,

“ia adalah perubahan daripada ajaran yang mematikan hati kepada ajaran yang menghidupkan dan menyuburkan; daripada i'tiqad-i'tiqad yang serong dan terpesong kepada i'tiqad yang subur dan merdeka; daripada fikiran-fikiran yang menyekat kemajuan kepada fikiran yang membebaskan kemajuan..”

Hj Abdul Rahman Limbong, seorang ulama Terengganu, selalu menekankan dalam ucapan-ucapan beliau tentang ajaran Islam, yang meletakkan segala apa yang ada di muka bumi ini adalah milik Allah S.W.T dan kita hanya diamanahkan untuk menjaga dan mengusahakannya, tanpa perlu menindas orang lain. Pendekatan beliau telah menarik ramai pengikut pada waktu itu, seterusnya, telah meningkatkan kefahaman dalam diri mereka tentang erti sebenar perjuangan yang mereka lakukan selama ini.

Dalam lipatan sejarah, kemenangan perjuangan Islam yang dipimpin oleh Nabi Muhammad S.A.W, bermula dengan pembukaan Kota Mekah. Pembukaan Mekah menunjukkan bermulanya kemerdekaan warganya dari kegelapan jahiliyah kepada hidup dengan aturan Islam. Syeikh Sofiyyurahman al-Mubarakfuri menyebut peristiwa tersebut dalam kitabnya, ***al-Rahiq al-Makhtum*** seperti berikut:

Setelah kota Mekah dibuka dan Rasulullah SAW bersama umat Islam memasukinya, Baginda lalu menuju ke Masjidil al-Haram serta bertawaf

mengelilingi Kaabah. Baginda SAW menjatuhkan berhala-berhala menggunakan busur panah sambil membaca ayat al-Quran:

﴿٨١﴾ وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا

**Maksudnya:** Dan katakanlah “Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap”.

(Surah Al Israa'81)

Baginda Nabi SAW seterusnya memasuki Kaabah, solat di dalamnya dan bertakbir di setiap penjuru dalam Kaabah serta menyebut kalimah Tauhid. Baginda Nabi SAW seterusnya berucap di khalayak orang-orang Quraisy di luar Kaabah:

‘Wahai orang-orang Quraisy! sesungguhnya Allah telah pun melenyapkan dari kamu kesombongan jahiliah, sikap bermegahan dengan nasab keturunan. Semua manusia sebenarnya adalah berasal daripada Adam dan Adam berasal daripada tanah’ . Lalu, Baginda S.A.W membaca ayat berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتُمْ إِذْ أَنْتُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

**Maksudnya:** Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, Sesungguhnya Allah Maha

Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

(al-Hujuraat: 13)

Pendekatan yang dibawa oleh Baginda Nabi SAW turut terungkap dari ucapan seorang Pahlawan Islam iaitu Rib'ei Bin Amir R.A. apabila ditanya oleh Rustum, seorang Panglima Perang Parsi. Lalu Rib'ei menjawab:

*“Sesungguhnya kami adalah kaum yang diutuskan oleh Allah untuk membebaskan manusia daripada perhambaan sesama makhluk kepada menyembah yang Maha Pencipta. Daripada kesempitan dunia kepada keluasannya, daripada kekeliruan dan kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam”.*

Jelaslah di sini, kemerdekaan yang hakiki bukan sekadar membebaskan fizikal manusia untuk bergerak ke sana ke mari, tetapi ia juga bermaksud membebaskan rohani dan mental mereka dari belenggu kejahilan dan kekufuran kepada kehidupan berlandaskan panduan wahyu ilahi.

Sesungguhnya, jiwa yang kosong tanpa petunjuk Al-Quran dan Sunnah, mendorong manusia untuk melakukan pekerjaan yang berkiblatkan hawa nafsu. Kesannya, terjadilah pelbagai pemahaman yang salah tentang erti kemerdekaan. Lebih-lebih lagi apabila sumber maklumat itu diperolehi melalui media-media sosial tanpa tapisan, maka pelbagai tafsiran diberikan terhadap makna kemerdekaan antaranya, bebas dari cengkaman penjajah dan juga bebas daripada terikat dengan undang-undang dan hukum hakam agama. Fahaman sebegini perlu dielakkan dari berleluasa dalam masyarakat kerana ia membawa kemudaratan antaranya; kebebasan mutlak dalam hidup, bebas pergaulan lelaki dan wanita bukan mahram, perzinaan dibenarkan, bebas mengeluarkan

pandangan dan menyebarkan fitnah sehingga menyakiti perasaan teman taulan, ibu bapa dan saudara mara. Akibatnya, berlakulah perpecahan, persengketaan serta keruntuhan struktur masyarakat. Sekiranya sambutan kemerdekaan yang kita kecapai ini membawa kita jauh daripada kefahaman erti merdeka yang sebenar, jauh daripada syariat Islam, maka apakah gunanya kemerdekaan tersebut.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Dalam konteks dan cabaran semasa hari ini, kefahaman tentang kemerdekaan perlu didasari dengan taqwa dalam diri. Taqwa mampu memagari hidup kita agar sentiasa rukun dan damai serta berpadu erat antara satu sama lain. Yakinlah, setiap amalan yang diasaskan atas konsep taqwa akan membuahkan keikhlasan dan keberkatan dari Allah.

Pelbagai nikmat telah dirasai oleh kita rakyat Malaysia daripada kemerdekaan ini antaranya; nikmat beribadah, nikmat bersilaturrahim, nikmat mencari rezeki dan nikmat merasai rezeki kurniaan Allah yang melimpah ruah di bumi yang subur ini. Apa yang penting, peliharalah nikmat ini agar ia tidak terlepas dari genggaman kita. Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa kesimpulan yang boleh diambil:

1. Dalam Islam, kemerdekaan itu suci maknanya. Apabila jiwa kita kosong dari godaan dan belenggu hawa nafsu, lalu disemai dengan cinta dan takwa kepada Allah, maka kesejahteraan, kedamaian dan keamanan akan wujud dalam diri.
2. Kemerdekaan, sebagaimana diajar oleh Nabi SAW, perlu diperteguhkan dengan ikatan iman yang kuat kepada Allah, selain kesatuan sesama umat Islam agar tidak mudah diganggu gugat oleh musuh Islam.

3. Nikmat kebebasan dan kemerdekaan seharusnya disyukuri dan dipertahankan sampai bila-bila. Ini adalah kerana, nikmat ini mampu membebaskan diri dan pemikiran kita daripada perbuatan yang mengundang kemurkaan Allah SWT.

4. Mencintai negara haruslah dibuktikan dengan azam dan usaha keras kita membangunkan negara mengikut syariat Islam. Semangat patriotisme tidak cukup sekadar menyambut hari kemerdekaan dan mengibarkan jalur gemilang, akan tetapi, membangunkan negara ini menurut acuan yang diredhai oleh Allah dan Rasulullah SAW. Sesungguhnya, Syariat Islam akan lebih mudah terlaksana dalam keadaan negara aman dan damai.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang Bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: 'Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras."

(Ibrahim: ayat 7)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (56)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.